



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 323

AKTA KEWANGAN (NO. 2) 1985

Sebagaimana pada 1 Jun 2020

AKTA KEWANGAN (NO. 2) 1985

Tarikh Perkenan Diraja 31 Disember 1985

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 9 Januari 1986

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 323

AKTA KEWANGAN (NO. 2) 1985

SUSUNAN SEKSYEN

BAB I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan Akta

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 2
5. Pindaan seksyen 3A
6. Pindaan seksyen 5
7. Pindaan seksyen 6
8. Pindaan seksyen 13
9. Pindaan seksyen 18
10. Pindaan seksyen 44
11. Pindaan seksyen 45
12. Pindaan seksyen 47
13. Pindaan seksyen 48
14. Pindaan seksyen 49

Seksyen

15. Pindaan seksyen 50
16. Seksyen baharu 60AA
17. Pindaan seksyen 109
18. Seksyen baharu 109C
19. Pindaan seksyen 136
20. Pindaan Bahagian II Jadual 1
21. Pindaan Bahagian III Jadual 1
22. Bahagian VI baharu kepada Jadual 1
23. Pindaan Jadual 3
24. Pindaan Jadual 6
25. Pindaan Jadual 7A

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN
TAMBAHAN 1967

26. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967
27. Pemotongan Bahagian II dan IV

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH 1976

28. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
29. Pindaan seksyen 2
30. Pemotongan seksyen 12
31. Pindaan seksyen 13
32. Pindaan seksyen 14
33. Pindaan seksyen 16
34. Pindaan seksyen 17
35. Seksyen baharu 21A dan 21B
36. Pindaan seksyen 24

Seksyen

37. Pindaan seksyen 27
38. Pindaan seksyen 29
39. Pindaan Jadual 2
40. Pindaan Jadual 3
41. Pindaan Jadual 4

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PEMINDAHAN SYER
(SYARIKAT BERASASKAN TANAH) 1984

42. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984
43. Pindaan seksyen 2
44. Pindaan seksyen 4
45. Seksyen baharu 4A
46. Pindaan seksyen 5
47. Pindaan seksyen 9
48. Pindaan seksyen 44
49. Pindaan seksyen 45
50. Pindaan Jadual 2

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) 1967

51. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
52. Pindaan seksyen 2
53. Pindaan seksyen 22

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 323

AKTA KEWANGAN (NO. 2) 1985

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAB I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 1985 dan hendaklah berkuat kuasa atau disifatkan telah berkuat kuasa sebagaimana diperuntukkan dalam Akta ini.

Pindaan Akta

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], *Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 [*Akta 54*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], **Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan

CATATAN—

* Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 [*Akta 54*] telah dimansuhkan oleh Akta Kewangan 1993 [*Akta 497*]—lihat seksyen 16 Akta 497.

** Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 [*Akta 310*] telah dimansuhkan oleh Akta Kewangan 1998 [*Akta 364*]—lihat seksyen 26 Akta 364.

Tanah) 1984 [*Akta 310*] dan *Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 45 tahun 1967*] dipinda mengikut cara yang masing-masingnya dinyatakan dalam Bab II, III, IV, V dan VI.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

3. (1) Kecuali perenggan 4(*a*), 4(*b*), 4(*d*), 6(*a*), 6(*b*), 7(*b*), 7(*c*), seksyen 8, 17, 18, 19, 22, 23 dan perenggan 24(*b*), peruntukan dalam Bab ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1986 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Perenggan 4(*d*) hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1984 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Seksyen 23 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1985 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Perenggan 6(*a*), 6(*b*), 7(*b*), 7(*c*) dan 22 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1987 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(5) Perenggan 4(*a*), 4(*b*), seksyen 8, 17 dan 19 hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 1985.

(6) Perenggan 24(*b*) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 1985.

Dengan syarat bahawa dalam mana perjanjian pinjaman jangka panjang—

*CATATAN—Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 45 tahun 1967*] telah disemak sebagai Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*].

- (i) telah diikat dan wang yang dipinjamkan atau didepositkan di Malaysia telah diremitkan ke Malaysia sebelum 25 Oktober 1985 atau telah diikat dan baginya kebenaran telah diberi oleh Pengawal Pertukaran Asing di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 pada atau sebelum 25 Oktober 1985; dan
- (ii) terma, syarat atau jangka masa pinjaman jangka panjang telah tidak diubahkan dengan apa jua cara pada atau selepas 25 Oktober 1985,

bunga yang dibayar atau dikreditkan atas pinjaman itu hendaklah terus dikecualikan selama jangka masa pinjaman itu walaupun ditarik balik pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan 31 Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

(7) Seksyen 18 hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1986.

Pindaan seksyen 2

4. Seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan tafsiran “approved loan” dalam subseksyen (1) dengan yang berikut:

‘ “approved loan” means any loan or credit made to the Government, State Government (including any loan or credit made to a person other than the Government or State Government where the loan or credit is guaranteed by the Government or State Government), local authority or statutory body by a person not resident in Malaysia where the loan or credit agreement was executed in Malaysia or where the loan or credit agreement was executed outside Malaysia with the prior approval of the Minister;’;

- (b) dengan memotong tafsiran “long-term loan” dalam subseksyen (1);
- (c) dengan memotong tafsiran “shareholders’ funds” dalam subseksyen (1); dan
- (d) dengan memasukkan sebaik sahaja subseksyen (6), subseksyen baharu (7) yang berikut:

“(7) Any reference in this Act to interest shall apply, *mutatis mutandis*, to gains or profits received and expenses incurred, in lieu of interest, in transactions conducted in accordance with the Syariah.”.

Pindaan seksyen 3A

5. Seksyen 3A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan baharu (a) yang berikut:

“(a) a company, two million ringgit;”.

Pindaan seksyen 5

6. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (1) dengan noktah bertindih;
- (b) dengan memasukkan proviso baharu yang berikut kepada subseksyen (1):

“Provided that in ascertaining the chargeable income of an individual resident in Malaysia there shall be excluded the income consisting of interest accruing in or derived from Malaysia and received from a person referred to in subsection 109c(4) in respect of interest paid or credited to that individual.”; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

“(3) In ascertaining the chargeable income of any person for the purpose of section 3A there shall not be taken into account any statutory income or adjusted loss in respect of petroleum operations by a petroleum company and dividends paid by a petroleum company out of its income derived from its petroleum operations within the meaning of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Akta 45 tahun 1967*].”.

Pindaan seksyen 6

7. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “or long-term loan” dalam subperenggan (b)(i);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan sebaik selepas perenggan (e), perenggan baharu (f) yang berikut:

“(f) subject to the provisions of section 109c but notwithstanding any other provisions of this Act, income tax shall be charged for each year of assessment upon the income of an individual resident in Malaysia which consists of interest (other than interest exempt from tax under this Act or any order made thereto) accruing in or derived from Malaysia and received from a person referred to in subsection 109c(4) at the appropriate rate as specified under Part VI of Schedule 1.”.

Pindaan seksyen 13

8. Subseksyen 13(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan proviso kepada subperenggan (b)(ii) dengan yang berikut:

“Provided that the benefit or amenity enjoyed under this subparagraph is confined only to the employee and members of his immediate family.”.

Pindaan seksyen 18

9. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan sebaik selepas takrif “harvesting”, takrif baharu “insurance” yang berikut:

‘ “insurance” includes a takaful scheme pursuant to the Takaful Act 1984 [*Akta 312*];’; dan

(b) dengan memasukkan sebaik selepas takrif “plantation”, takrif baharu “premiums” yang berikut:

‘ “premiums” in relation to insurance, includes contributions or instalments payable under a takaful scheme pursuant to the Takaful Act 1984;’.

Pindaan seksyen 44

10. Seksyen 44 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (6) dengan noktah bertindih; dan

(b) dengan memasukkan sebaik selepas subseksyen (6), proviso baharu yang berikut:

“Provided that where the statutory income from an employment, pension or profession falls to be assessed in the name of an individual’s wife for the relevant year pursuant to subsection 45(4), there shall be deducted from such statutory income or the aggregate of such statutory income, as the case may be, an amount equal to any gift of money of the kind mentioned in this subsection, made by her in the basis year for that year.”.

Pindaan seksyen 45

11. Seksyen 45 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “income from employment” dalam subseksyen (4) perkataan “, from pension granted on optional retirement from employment under any written law”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan yang berikut:

“(5) Notwithstanding any other provisions of this Act, where under subsection (4) the wife’s income from an employment, pension or profession falls to be assessed for a year of assessment in her name—

(a) her total income falling to be aggregated with that of her husband under subsection (2) for that year of assessment shall be reduced by the amount of statutory income from such employment, pension or profession and she shall be treated as having no chargeable income for that year of assessment in regard to that part of her total income which is aggregated with that of her husband; and

(b) the income assessed in her name shall be the amount of statutory income from such employment, pension or profession or the aggregate of such statutory income, as the case

may be, reduced by any deduction falling to be made pursuant to subsection 44(6)”; dan

- (c) dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “income from employment” dalam subseksyen (6), koma dan perkataan “pension”.

Pindaan seksyen 47

12. Seksyen 47 Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “income from her employment” dalam subseksyen (4), koma dan perkataan “pension”.

Pindaan seksyen 48

13. Subseksyen 48(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “income from her employment” dalam proviso, koma dan perkataan “pension”.

Pindaan seksyen 49

14. Subseksyen 49(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “income from her employment” dalam proviso, koma dan perkataan “pension”.

Pindaan seksyen 50

15. Seksyen 50 Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “from her employment” dalam subseksyen (4), koma dan perkataan “pension”.

Seksyen baharu 60AA

16. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas seksyen 60A, seksyen baharu 60AA yang berikut:

“Application of sections 60 and 60A to a takaful business

60AA. The provisions of sections 60 and 60A shall apply, *mutatis mutandis*, to a takaful business carried on pursuant to the Takaful Act 1984.”.

Pindaan seksyen 109

17. Seksyen 109 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “or long-term loan” dalam subseksyen (1).

Seksyen baharu 109c

18. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas seksyen 109B, seksyen baharu 109c yang berikut:

“Deduction of tax from interest paid to a resident

109c. (1) Where any person (in this section referred to as “the payer”) is liable to pay interest (other than interest exempt from tax under this Act or any order made thereto) accruing in or derived from Malaysia to an individual resident in Malaysia, he shall upon paying or crediting such interest deduct therefrom tax at the rate applicable to such interest, and (whether or not that tax is so deducted) shall within one month after paying or crediting the interest render an account and pay the amount of that tax to the Director General:

Provided that the Director General may under special circumstances, allow extension of time for tax deducted to be paid over.

(2) Where the payer fails to pay any amount due from him under subsection (1), the amount which he fails to pay shall be a debt due from him to the Government and shall be payable forthwith to the Director General.

(3) Where in pursuance of this section any amount is paid to the Director General by the payer and if the payer has not deducted that amount in paying the payment under subsection (1) with respect to which the amount relates, he may recover that amount from that individual as a debt due to the payer.

(4) In this section “person” refers to a bank licensed under the *Banking Act 1973 [Act 102] or the Islamic Banking Act 1983 [Act 276], a finance company licensed under the *Finance Companies Act 1969 [Act 6], a registered co-operative society, Bank Pertanian Malaysia, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Malaysia Building Society Berhad, or any other institution that may be approved by the Minister.”.

Pindaan seksyen 136

19. Seksyen 136 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (4) dengan noktah bertindih; dan

(b) dengan memasukkan sebaik selepas subseksyen (4), proviso baharu yang berikut:

“Provided that the Director General may by writing under his hand authorize any Senior Assistant or Assistant Directors of Inland Revenue (subject to any exceptions or limitations contained in the authorization) to exercise his function under section 123.”.

Pindaan Bahagian II Jadual 1

20. Butiran 1 Bahagian II Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “or long-term loan”; dan

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] yang kemudiannya telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758].

- (b) dengan menggantikan perkataan “15%” di bawah ruang “Rate of income tax” dengan perkataan “20%”.

Pindaan Bahagian III Jadual 1

- 21.** Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan Bahagian III dengan yang berikut:

“
PART III
Excess profit tax shall be charged for each year of assessment at the rate of:
(1) In the case of a company 3 per cent
(2) In the case of any other person 5 per cent.”.

Bahagian VI baharu kepada Jadual 1

- 22.** Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas Bahagian V, Bahagian VI baharu yang berikut:

“
PART VI
Notwithstanding Part I, income tax shall be charged on the income of an individual resident in Malaysia consisting of interest (other than interest exempt under this Act or any order made thereto) accruing in or derived from Malaysia and received from a person referred to in section 109C at the rate of 5% of gross.”.

Pindaan Jadual 3

- 23.** Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perenggan 67, perenggan baharu 67A yang berikut:

“**67A.** Where pursuant to an agreement with the Government a person incurs capital expenditure on the construction, reconstruction, extension or improvement of any public road and ancillary structures which expenditure is recoverable through toll collection, the road and ancillary structures as regards such expenditure shall, for the purposes of this Schedule, be treated

as a building and the provisions of this Schedule relating to industrial building shall apply, *mutatis mutandis*, to such building:

Provided that—

- (a) the balance of residual expenditure under paragraph 68 of this Schedule shall be reduced by the amount of any compensation received; and
- (b) the disposal value of the asset shall be taken to be zero when the agreement expires or is terminated.”.

Pindaan Jadual 6

24. Jadual 6 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan sebaik selepas perenggan 30, perenggan baharu 30A yang berikut:

“**30A.** Gratuity or pension derived from Malaysia and paid to a person resident for the basis year for a year of assessment under any written law applicable to the President or Deputy President of the Senate, Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives, Speaker of the State Legislative Assembly, member of the Senate, member of the House of Representatives or member of the State Legislative Assembly:

Provided that—

- (a) the exemption in respect of pension shall apply only when the person has attained the age of fifty-five or if the Director General is satisfied that such person ceased to be President, Deputy President, Speaker, Deputy Speaker or member due to ill-health; and
- (b) where such person is eligible for exemption in respect of pension under this paragraph and also under paragraph 30 of this Schedule, exemption shall be applicable only to the higher or the highest pension payable, as the case may be.”dan

- (b) dengan memotong perenggan 31.

Pindaan Jadual 7A

25. Jadual 7A kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seven” dalam subperenggan 2(b) dengan perkataan “ten”.

BAB III

**PINDAAN KEPADA *AKTA CUKAI PENDAPATAN
TAMBAHAN 1967**

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan
Tambahan 1967**

26. Peruntukan dalam Bab ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1986 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pemotongan Bahagian II dan IV

27. Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 dipinda dengan memotong kesemuanya BAHAGIAN II dan BAHAGIAN IV.

BAB IV

**PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH 1976**

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan
Harta Tanah 1976**

28. (1) Kecuali perenggan 39(a), (c), (d), (e), (g) dan (l), peruntukan dalam Bab ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1986.

*CATATAN—Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 [Akta 54] telah dimansuhkan oleh Akta Kewangan 1993 [Akta 497]—lihat seksyen 16 Akta 497.

(2) Perenggan 39(a), (c), (d), (e) dan (l) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1983.

(3) Perenggan 39(g) hendaklah berkuat kuasa pada 1 Januari 1986 kecuali peruntukan subseksyen 15B(2) yang terkandung di dalamnya hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1983.

Pindaan seksyen 2

29. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dengan menggantikan tafsiran “taksiran” dalam seksyen 2 dengan yang berikut:

‘ “taksiran” ertinya sesuatu taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah Akta ini;’.

Pemotongan seksyen 12

30. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 12.

Pindaan seksyen 13

31. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dan (2) dengan yang berikut:

“(1) Tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai yang melupuskan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dan tiap-tiap orang yang memperolehi aset yang dilupuskan sedemikian itu hendaklah, dalam masa satu bulan (atau dalam apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Pengarah apabila suatu permintaan bertulis dibuat kepadanya) selepas tarikh pelupusan aset itu, membuat suatu penyata—

(a) menyatakan berkenaan dengan aset yang dilupuskan itu harga perolehan, harga lupusan dan keuntungan atau kerugian atas pelupusan itu;

- (b) memberi segala maklumat yang perlu untuk menentukan harga perolehan dan harga lupusan bagi aset yang dilupuskan; dan
- (c) jika nilai pasaran bagi aset itu hendak dipakai bagi maksud Akta ini, mengemukakan suatu nilai bertulis mengenai aset itu oleh seorang penilai.

(2) Tiap-tiap orang nomini hendaklah, dalam tempoh satu bulan (atau dalam apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Pengarah apabila suatu permintaan bertulis dibuat kepadanya) selepas tarikh pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai olehnya bagi pihak mana-mana orang, membuat suatu penyata menyatakan—

- (a) nama dan alamat orang yang bagi pihaknya pelupusan itu telah dilakukan;
- (b) aset yang dilupuskan itu; dan
- (c) tarikh dia pertama kali mula memegang aset itu sebagai seorang nomini bagi orang itu.”.

Pindaan seksyen 14

32. Subseksyen 14(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (a);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan koma bernoktah dan perkataan “atau”; dan
- (c) dengan memasukkan sebaik selepas perenggan (b), perenggan baharu (c) yang berikut:
 - (c) mengurangkan suatu taksiran yang dibuat bagi tahun taksiran yang baginya penyata itu dibuat, sebagai memberi kesan kepada perenggan 7(4)(a).”.

Pindaan seksyen 16

33. Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(1) Jika dalam suatu hal yang seksyen 13 terpakai baginya—

- (a) balasan atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai terdiri daripada suatu aset lain (sama ada boleh dikenakan cukai atau tidak);
- (b) terdapatnya kemungkiran oleh kedua-dua pihak pelupus dan pemeroleh mengemukakan satu penyata kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 13; atau
- (c) balasan atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai itu ialah bagi maksud Akta ini nilai pasaran bagi aset itu,

maka Ketua Pengarah boleh membuat suatu taksiran ke atas pemeroleh itu sebanyak amaun yang sama dengan amaun cukai yang kena dibayar oleh pelupus dan hendaklah memasukkan dalam taksiran itu sejumlah wang yang sama banyaknya dengan sepuluh peratus daripada amaun itu, yang hendaklah disifatkan sebagai suatu kenaikan daripada jenis yang disebutkan dalam subseksyen 21(4).”.

Pindaan seksyen 17

34. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula subseksyen 17(1) sebagai seksyen 17; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (2).

Seksyen baharu 21A dan 21B

35. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas seksyen 21, seksyen baharu 21A dan 21B yang berikut:

“Perakuan kelulusan

21A. Ketua Pengarah hendaklah menghantar kepada keduanya pelupus dan pemeroleh suatu perakuan kelulusan dalam borang yang ditetapkan—

- (a) apabila pembayaran dibuat mengikut seksyen 21; atau
- (b) jika dia berpuas hati bahawa tiada keuntungan yang boleh dikenakan cukai telah timbul, apabila sahaja berpuas hati dengan yang sedemikian itu.

Permintaan kepada pemeroleh

21B. (1) Jika sesuatu pelupusan yang seksyen 13 terpakai baginya, balasannya terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada wang—

- (a) pemeroleh itu hendaklah, sehingga dia menerima perakuan kelulusan daripada Ketua Pengarah di bawah seksyen 21A, memegang simpan kesemua wang itu (tertakluk kepada syarat bahawa wang yang dipegang simpan itu tidaklah boleh melebihi sejumlah wang yang dikira mengikut kadar atas mana cukai boleh dikenakan pada masa itu, atas jumlah nilai balasan itu);
- (b) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, sebelum dia menghantar perakuan kelulusan itu, menyampaikan kepada pemeroleh suatu permintaan bertulis dalam borang yang ditetapkan memintanya membayar kesemua atau apa-apa bahagian daripada jumlah wang yang dipegang simpan di bawah perenggan (a) (atau, jika

pemeroleh itu tidak mematuhi perenggan itu, jumlah wang yang sepatutnya telah dipegang simpan sedemikian) dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu;

- (c) dalam hal di mana perenggan (b) terpakai, pemeroleh hendaklah menyerahkan jumlah wang yang disebut dalam permintaan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(2) Sesuatu permintaan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai suatu taksiran bagi maksud Akta ini.

(3) Seseorang pemeroleh yang dikehendaki di bawah seksyen ini supaya menyerahkan kepada Ketua Pengarah sejumlah wang yang sepatutnya telah dipegang simpan tetapi tidak dipegang simpan olehnya di bawah perenggan 1(a), hendaklah, apabila mematuhi permintaan itu, disifatkan bagi maksud subseksyen 16(3) sebagai telah ditaksirkan sebanyak jumlah wang di bawah subseksyen 16(1) dan sebagai telah membayar jumlah wang itu menurut taksiran itu.”.

Pindaan seksyen 24

36. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “subseksyen 12(7)” dalam subseksyen (2) dengan perkataan “subseksyen 21B(3)”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “assett” dalam subseksyen (2) teks bahasa Inggeris dengan perkataan “asset”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “seksyen 12” dalam subseksyen (7) dengan perkataan “seksyen 21B”.

Pindaan seksyen 27

37. Seksyen 27 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “suatu pemberitahu di bawah seksyen 12 atau” dalam subseksyen (1).

Pindaan seksyen 29

38. Seksyen 29 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “mungkir memberi pemberitahu yang dikehendaki oleh seksyen 12 atau” di mana jua terdapat dalam subseksyen (1) dan (3).

Pindaan Jadual 2

39. Jadual 2 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan sebaik selepas tafsiran “aset” dalam subperenggan 1(1), tafsiran baharu “bank Islam” yang berikut:

““bank Islam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*];”;

(b) dengan memasukkan sebaik selepas subperenggan 1(3), subperenggan baharu (4) yang berikut:

“(4) Bagi maksud Jadual ini, “suatu balasan terdiri sebahagian besarnya daripada syer” ertinya suatu balasan terdiri daripada tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus syer.”;

(c) dengan memasukkan sebaik selepas subperenggan baharu (4), subperenggan baharu (5) yang berikut:

“(5) Apa-apa sebutan dalam Jadual ini mengenai bunga hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada belanja yang dilakukan sebagai mengganti bunga, dalam transaksi yang dijalankan mengikut Syariah.”;

- (d) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan 3(f) dengan koma bernoktah;
- (e) dengan memasukkan sebaik selepas subperenggan 3(f), subperenggan baharu (g) yang berikut:

“(g) pelupusan sesuatu aset oleh seseorang kepada suatu bank Islam di bawah skim di mana orang itu dibiayai oleh bank itu mengikut Syariah.”;

- (f) dengan menggantikan subperenggan 4(3) dengan yang berikut:

“(3) Jika sesuatu aset, yang dilupuskan, telah diperoleh oleh pelupus sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 hendaklah menggantikan—

- (a) balasan dan kos sampingan daripada jenis yang tersebut dalam subperenggan (1);
- (b) nilai pasaran aset seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset yang tersebut dalam subperenggan 19(1) dan (3A);
- (c) amaun legasi atau nilai pasaran aset seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset, mengikut mana yang lebih rendah, yang tersebut dalam subperenggan 19(2); atau
- (d) nilai aset bagi maksud duti harta pusaka yang tersebut dalam subperenggan 19(3),

mengikut mana-mana yang berkenaan, dan jumlah wang daripada jenis yang tersebut dalam subsubperenggan (1)(a), (b) atau (c) yang berkaitan dengan tempoh sebelum 1 Januari 1970 itu tidaklah boleh diambil kira.”.

- (g) dengan memasukkan sebaik selepas perenggan 15, perenggan baharu 15A dan 15B yang berikut:

“Tarikh pelupusan dalam hal tertentu

15A. Pelupusan sesuatu aset hendaklah disifatkan sebagai berlaku—

- (a) dalam hal pemberian berupa aset atas kematian, pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima;
- (b) dalam hal di mana seorang penerima legasi menerima suatu aset sebagai ganti legasi wang, pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi;
- (c) dalam hal di mana suatu aset kepunyaan seseorang yang mati dipindah milik kepada penerima legasi oleh wasinya (tidak kira sama ada dia sendiri seorang penerima legasi atau tidak) atau oleh pemegang amanah sesuatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya, pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi.

Tarikh pemerolehan dalam hal tertentu

15B. (1) Jika sesuatu aset kepunyaan seseorang yang mati dilupuskan (kepada seseorang yang lain daripada seorang penerima legasi) oleh wasinya atau oleh pemegang amanah sesuatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya, wasi atau pemegang amanah itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperolehnya pada tarikh kematian orang yang mati itu.

(2) Jika sesuatu aset diperoleh dengan kemudahan kewangan yang diberi oleh suatu bank Islam mengikut

Syariah, pemeroleh itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperoleh aset itu pada tarikh perjanjian mengenai pemerolehan aset itu dibuat di antara pemeroleh dengan seseorang selain bank Islam itu atau, dalam hal di mana aset itu dimiliki oleh bank tersebut, pada tarikh perjanjian mengenai pelupusan aset itu dibuat dengan bank itu.”;

- (h) dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “sesuatu syarikat yang bermastautin dalam Malaysia dalam proviso kepada subperenggan 17(1), perkataan “yang sedang disusun semula di bawah skim itu”;
- (i) dengan menggantikan perkataan “nilai aset itu bagi maksud duti harta pesaka” dalam subperenggan 19(1) dengan perkataan “nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima”;
- (j) dengan menggantikan perkataan “nilai aset itu bagi maksud duti harta pesaka” dalam dengan perkataan “nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi”;
- (k) dengan memasukkan sebaik selepas perenggan 19(3), subperenggan baharu (3A) yang berikut:

“(3A) Tertakluk kepada subperenggan 4(3), jika sesuatu aset kepunyaan seseorang yang mati dipindah milik kepada seorang penerima legasi oleh wasinya (tidak kira sama ada ia sendiri seorang penerima legasi atau tidak) atau oleh pemegang amanah bagi suatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya, maka hendaklah disifatkan sebagai adanya suatu perolehan aset oleh penerima legasi dengan suatu harga perolehan yang sama dengan nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi dengan ditolak jumlah wang daripada jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)(a), (b) atau (c) yang diterima oleh penerima legasi atau terlucut hak kepada

penerima legasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.”; dan

- (l) dengan memasukkan sebaik selepas subperenggan 19(6), subperenggan baharu (7) yang berikut:

“(7) Jika sesuatu aset diperoleh oleh seseorang (kemudian dari ini disebut “pemeroleh”) dengan kemudahan kewangan yang diberi oleh sesuatu bank Islam mengikut Syariah, harga perolehan aset itu hendaklah amaun atau nilai balasan yang diberi oleh atau bagi pihak pemeroleh kepada orang yang melupuskan aset itu selain bank Islam itu atau dalam hal di mana aset itu dimiliki oleh bank tersebut, amaun atau nilai balasan yang diberi kepada bank itu, bagi pemerolehan aset itu (bersama dengan kos sampingan kepadanya mengenai pemerolehan itu) dengan ditolak jumlah wang daripada jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)(a), (b) atau (c) yang diterima oleh pemeroleh atau terlucut hak kepada pemeroleh itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Pindaan Jadual 3

- 40.** Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan proviso baharu yang berikut kepada subperenggan 3(1):

“Dengan syarat bahawa jika seseorang individu itu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap tetapi isterinya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap maka perenggan ini tidaklah terpakai.”.

Pindaan Jadual 4

- 41.** Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan yang berikut:

“2. Suatu amaun sebanyak lima ribu ringgit atau sepuluh peratus daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut mana yang lebih besar, mengenai sesuatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada seorang individu yang seorang warganegara atau seorang individu yang bukan seorang warganegara tetapi seorang pemastautin tetap, atas pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang bukannya atau telah tidak menjadi sebahagian daripada aset yang lebih besar yang boleh dikenakan cukai pada masa pelupusan itu:

Dengan syarat bahawa dalam hal pelupusan oleh tuan punya bersama akan bahagiannya dalam aset yang boleh dikenakan cukai, pelupusan sedemikian itu tidaklah boleh diambil kira sebagai pelupusan sebahagian daripada aset yang lebih besar yang boleh dikenakan cukai bagi maksud perenggan ini.”.

BAB V

PINDAAN KEPADA *AKTA CUKAI PEMINDAHAN SYER (SYARIKAT BERASASKAN TANAH) 1984

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984

42. Peruntukan dalam Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 1984.

Pindaan seksyen 2

43. Seksyen 2 Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 [*Akta 310*], yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda—

*CATATAN—Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 [*Akta 310*] telah dimansuhkan oleh Akta Kewangan 1988 [*Akta 364*]—lihat seksyen 26 Akta 364.

- (a) dengan memasukkan sebaik selepas tafsiran “isteri” dalam subseksyen (1) tafsiran baharu “kawasan perindustrian” yang berikut:

‘ “kawasan perindustrian” ertinya suatu kawasan tanah yang ditetapkan sebagai sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri;’;

- (b) dengan menggantikan tafsiran “pelupusan” dalam subseksyen (1) dengan yang berikut:

‘ “pelupusan”, berhubung dengan aset yang boleh dikenakan cukai, ertinya penjualan, pemindahhakan, pemindahmilikan, pertukaran, penyerahhakan, penyelesaian, penyerahan atau pemberimilikan syer (termasuk dengan cara penyatuan, pengambilan alih, percantuman atau penyusunan semula suatu syarikat atau syarikat-syarikat):

Dengan syarat bahawa yang berikut ini tidaklah boleh diambil kira sebagai suatu pelupusan:

- (a) pengeluaran saham pinjaman atau debentur; dan
(b) penukaran saham pinjaman atau debentur kepada syer;’;

- (c) dengan memasukkan sebaik selepas tafsiran “Pesuruhjaya Khas” dalam subseksyen (1) tafsiran baharu “Pihak Berkuasa Negeri” yang berikut:

‘ “Pihak Berkuasa Negeri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*];’;

- (d) dengan menggantikan tafsiran “syarikat yang berasaskan tanah” dalam subseksyen (1) dengan yang berikut:

‘ “syarikat berasaskan tanah” ertinya suatu syarikat yang memiliki tanah di Malaysia sebagai salah satu aset pada masa pelupusan syer dalam syarikat itu, atau suatu syarikat yang sungguhpun ia sendiri tidak memiliki tanah ada memegang kepentingan dalam syer (secara langsung atau melalui satu syarikat perantaraan atau lebih) dalam suatu syarikat yang memiliki tanah di Malaysia sebagai salah satu aset pada masa pelupusan syer:

Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat tidaklah boleh dianggap sebagai syarikat berasaskan tanah di mana tanah digunakan keseluruhannya dan terutamanya bagi maksud kilang, pejabat, bangunan hotel (termasuk tanah yang digunakan sebagai padang golf, gelanggang tenis, padang permainan kanak-kanak) atau premis perniagaan jika tiada mana-mana bahagian premis itu disewa, dan tanah yang digunakan sedemikian itu pada pendapat Ketua Pengarah tidak melebihi kehendak biasa tetapi mencukupi dengan besarnya kilang, pejabat, bangunan hotel atau premis perniagaan, atau jika tanah yang digunakan sedemikian itu terletak dalam kawasan perindustrian; dan

Dengan syarat selanjutnya bahawa sesuatu syarikat disifatkan sebagai memegang kepentingan dalam syer dalam syarikat berasaskan tanah—

- (a) secara langsung jika ia memegang lebih daripada dua puluh peratus pada agregatnya daripada bilangan nominal syer mengundi dalam syarikat yang berasaskan tanah itu; atau
- (b) melalui satu syarikat perantaraan atau lebih jika syarikat perantaraan itu atau mana-mana syarikat perantaraan (kiranya terdapat lebih daripada satu syarikat perantaraan) memegang lebih daripada dua puluh peratus pada agregatnya daripada

bilangan nominal syer mengundi dalam syarikat yang berasaskan tanah itu;’;

- (e) dengan memasukkan sebaik selepas tafsiran “syarikat berasaskan tanah” dalam subseksyen (1) tafsiran baharu “syarikat perantaraan” dan “syarikat terkawal” yang berikut:

‘ “syarikat perantaraan” ertinya suatu subsidiari di bawah seksyen 5 *Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“syarikat terkawal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;’;

- (f) dengan memasukkan sebaik selepas tafsiran “syer” dalam subseksyen (1) tafsiran baharu “syer mengundi” yang berikut:

‘ “syer mengundi”ertinya suatu syer mengundi di bawah Akta Syarikat 1965;’;

- (g) dengan memasukkan sebaik selepas subseksyen (2), subseksyen baharu (3) yang berikut:

“(3) Sebutan dalam seksyen ini mengenai kilang, pejabat atau premis perniagaan hendaklah disifatkan termasuk kemudahan sosial dan rekreasi bagi pekerja dan tempat kediaman bagi pekerja selain pengarah (bukannya pengarah berkhidmat) sesuatu syarikat terkawal.”.

Pindaan seksyen 4

44. Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “aset yang boleh dikenakan cukai” di baris 11 perkataan “dalam syarikat yang berasaskan tanah itu”.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] yang mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017—lihat subseksyen 620(1) Akta 777.

Seksyen baharu 4A

45. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas seksyen 4, seksyen baharu 4A yang berikut:

“Pindah milikan aset dalam suatu skim reorganisasi, dsb.

4A. Tertakluk kepada seksyen ini, di mana dengan kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu—

- (a) sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dipindahmilikkan dengan apa-apa balasan di antara syarikat-syarikat dalam mana-mana skim reorganisasi, penyusunan semula atau penyatuan; atau
- (b) sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dilupuskan oleh likuidator syarikat dan likuidasi syarikat itu dibuat di bawah suatu skim reorganisasi, penyusunan semula atau penyatuan,

dan syarikat penerima pindahan itu bermastautin di Malaysia, pindah milik itu tidaklah boleh dikira sebagai suatu pelupusan:

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan boleh diberikan mengenai apa-apa pemindahmilikan atau pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam mana-mana skim di bawah subperenggan (a) atau (b) melainkan jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa aset yang boleh dikenakan cukai sedemikian itu dipindah milik atau dilupuskan bagi melaksanakan mana-mana skim sedemikian itu yang secara langsung berkaitan dengan apa-apa pemindahan pemilikan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai di Malaysia kepada suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia yang sedang disusun semula dengan mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.”.

Pindaan seksyen 5

46. Seksyen 5 Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “kelulusan tersebut” di hujung proviso kepadanya perkataan “atau, jika kelulusan tersebut adalah bersyarat, tarikh syarat atau kesemuanya syarat itu dilaksanakan”.

Pindaan seksyen 9

47. Seksyen 9 Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “satu bulan dari tarikh pelupusan” dalam subseksyen (2) perkataan “(atau dalam tempoh yang lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Pengarah apabila suatu permintaan bertulis dibuat kepadanya)”.

Pindaan seksyen 44

48. Subseksyen 44(2) Akta ibu bagi teks bahasa Inggeris dipinda dengan menggantikan perkataan “except” dalam proviso dengan perkataan “exempt”.

Pindaan seksyen 45

49. Seksyen 45 Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “apa-apa pelupusan syer” dalam subseksyen (1), perkataan “yang nilainya lima ratus ribu ringgit atau lebih”.

Pindaan Jadual 2

50. Jadual 2 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 3 dengan yang berikut:

“3. Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam suatu syarikat berasaskan tanah di antara seseorang dengan

nomini atau pemegang amanahnya di mana seseorang itu sebenarnya berhak berbanding dengan nomini atau pemegang amanah atau di antara nomini-nomini atau pemegang-pemegang amanah itu di mana keempunyaan benefisial aset yang boleh dikenakan cukai tidak berubah dengan pelupusan itu:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai bagi sesuatu penyelesaian yang disebut dalam subseksyen 20(3).”; dan

- (b) dengan memasukkan sebaik selepas perenggan 3, perenggan baharu 4 yang berikut:

“4. Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam syarikat berasaskan tanah oleh Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan.”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA *AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

51. (1) Kecuali seksyen 52, peruntukan dalam Bab ini hendaklah disifatkan telah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1985 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 52 hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1980.

*CATATAN—Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 45 tahun 1967*] telah disemak sebagai Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*].

Pindaan seksyen 2

52. Subseksyen 2(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dengan memasukkan sebaik selepas tafsiran “natural gas”, tafsiran baharu “partnership” yang berikut:

‘ “partnership” means an association or arrangement of any kind (including, but not limited to, joint ventures, syndicates and cases where a party to the association or arrangement is itself a partnership) between parties who have agreed to combine any of their rights, powers, property, labour or skill for the purposes of carrying on petroleum operations and sharing any petroleum production or any profit derived therefrom;’.

Pindaan seksyen 22

53. Subseksyen 22(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebaik selepas perkataan “a State Government” perkataan “, a local authority”.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 323

AKTA KEWANGAN (NO. 2) 1985

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

- TIADA -

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 323

AKTA KEWANGAN (NO. 2) 1985

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

- TIADA -
